KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	19/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			



Utusan
19.11.2021_19

Terima kasih Jabatan Perhilitan

SAUDARA PENGARANG,

SEBELUM ini, kawasan perumahan di Parit Raja Laut, Batu Pahat, Johor kecoh apabila beberapa ekor babi hutan menceroboh masuk.

Situasi itu tidak menyenangkan penduduk selain risau tentang keselamatan diri dan keluarga mereka.

Selepas membuat aduan kepada Jabatan Perhilitan Batu Pahat, agensi berkenaan bertindak pantas dengan menembak babi hutan yang berkeliaran.

Tindakan pantas agensi berkenaan telah menyelamatkan kami sekeluarga selain dapat mengelakkan kekacauan di kawasan perumahan tersebut.

Terima kasih dan tahniah atas usaha dan tindakan pantas Jabatan Perhilitan Batu Pahat.

MISKAM JASMAN
Batu Pahat, Johor